



CHAMIL (kiri) bersama Pengarah Seminar Kebangsaan Media dan Dakwah 2014, Prof. Madya Dr. Mohd. Yahya Mohamed Ariffin (dua dari kiri) beramah mesra dengan para pelajar yang menyertai seminar berkenaan di Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai semalam.

# Wartawan Muslim berperanan sampaikan dakwah

Oleh KU MOHD. RIZDUAN KU ABDUL RAHMAN  
kurizduan.kurahman@kosmo.com.my

**NILAI** - Cabaran perbezaan pendapat yang melampau dalam memahami dan mentafsir ilmu agama yang dihadapi umat Islam ketika ini memerlukan wartawan Muslim memainkan peranan yang berkesan sebagai seorang pendakwah.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akhbar Malaysia (MPI), Datuk Chamil Wariya berkata, golongan ulama pada abad ini semakin kehilangan kuasa dan kawalan dalam pendidikan dan penyebaran agama Islam berbanding zaman lalu.

Justeru katanya, kemunculan pelbagai media baharu sama ada sosial atau komersial juga telah

melonggarkan sistem pendidikan tradisional Islam seperti diamalkan sebelum ini.

"Media baharu ini telah menukar secara radikal bagaimana dakwah dan penyebaran agama dilaksanakan.

"Kesan dan fenomena ini tidak boleh diambil mudah kerana dalam berdakwah, umat Islam khususnya wartawan Muslim berdepan cabaran lebih besar kerana telah muncul ramai individu yang mengakui diri mereka sebagai 'ilmuwan' Islam," katanya pada Seminar Kebangsaan Media dan Dakwah di Universiti Sains Islam Malaysia di sini semalam.

Chamil menyampaikan syarahan bertajuk, *Membina etika kewartawanan untuk menghadapi*

*cabaran perbezaan pendapat dalam dakwah* pada seminar berkenaan.

Jelas Chamil, sebahagian besar individu yang mengaku sebagai 'ilmuwan' Islam berkenaan hanya membawa khabar kebangkitan dan pembaharuan ilmu agama tanpa melalui didikan dan saringan ketat seperti ulama terdahulu.

"Semangat meluapluap golongan Muslim seperti itu dihargai tetapi pemahaman cetek sege-lintir mereka telah menimbulkan kemelut besar dalam ilmu agama.

"Perbezaan pendapat yang keterlaluan dalam kalangan mereka melahirkan fitnah dan perpecahan umat Islam. Dua perkara itu mesti dielakkan dan dirawat segera," katanya.